

Sunway Construction cadang dividen interim pertama

SUNWAY[®]

CONSTRUCTION



Sunway Construction Group Bhd. (SunCon) mencadangkan dividen interim pertama pada 3.5 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

KUALA LUMPUR 19 Ogos - Sunway Construction Group Bhd. (SunCon) mencadangkan dividen interim pertama pada 3.5 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 lebih daripada 60 peratus pembayaran daripada keuntungan tahun ke setakat ini selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATMI).

SunCon dalam kenyataannya berkata, bagi suku berakhir 30 Jun 2019, syarikat mengumumkan perolehan sebanyak RM440.2 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM41.2 juta.

"Keseluruhan nilai perolehan kumpulan itu pada Jun 2019 sebanyak RM5.8 bilion, dengan jumlah RM1.53 bilion bagi perolehan baharu diterima setakat ini, melebihi sasaran pihak pengurusan iaitu RM1.5 bilion bagi nilai perolehan baharu diraih pada separuh pertama 2019," katanya dalam di sini hari ini.

Pengarah Urusan, Chung Soo Kiong berkata, SunCon masih memburu pelbagai tender di dalam dan luar negara dan menyasarkan untuk memperoleh kerja pertamanya di luar negara pada tahun ini.

Invest with
Fast
Direct Execution

[Open an Account](#)

Our services involve a significant risk and can result in the loss of your invested capital. T&Cs Apply

XM
WWW.XM.COM

USAIN BOLT
OFFICIAL SPONSOR

The advertisement features a dark background with white and green text. It promotes 'Fast Direct Execution' services from XM, including a call to action to 'Open an Account'. It also includes a risk warning and logos for XM and USAIN BOLT.

"Kami positif dengan prospek sektor pembinaan tempatan berikutan penyambungan semula projek Laluan Rel Pantai Timur RM44 bilion, dan juga terdapat peluang dalam sektor tenaga lestari seperti pembangunan projek Fasa 3 Solar Berskala Besar," katanya.

Beliau berkata, kumpulan menjangkakan lebih banyak projek akan diumumkan dalam 12 bulan akan datang.

Mengenai prospek, Soo Kiong berkata, kumpulan turut menerokai pasaran ASEAN.

Katanya, di Myanmar, kumpulan menjalin kerjasama dengan bahagian pembinaan Kumpulan Capital Diamond Star, Capital Construction Ltd., dan telah mengemukakan tender bagi projek pembangunan bercampur di Mandalay, Myanmar.

"Kami juga sedang menyediakan untuk mengemukakan tiga bidaan bagi projek infrastruktur jalan raya di India menjelang akhir tahun ini atau awal tahun depan," katanya. - BERNAMA